

Konsep Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Satu perbincangan

UR 10-4-19 B2

MINDA PENDIDIK

Oleh PROF. MADYA DR. ABDUL
SAID AMBOTANG

MENGORAK langkah menuju negara maju 2020, sistem pendidikan negara seharusnya turut berubah seiring dengan transformasi pentadbiran negara yang dijalankan. Dalam transformasi pendidikan negara, satu sistem pentaksiran baharu diperkenalkan iaitu Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK). Sistem ini merupakan transformasi pendidikan daripada sistem berorientasikan peperiksaan (ujian pencapaian dan peperiksaan) kepada sistem yang lebih holistik.

Tujuannya ialah untuk menyediakan satu set indikator untuk menilai potensi murid dan kesediaan untuk belajar, selain menguji penguasaan dan pencapaian. Hal ini selaras dengan pengertian pengajaran dan pembelajaran, iaitu satu usaha guru untuk melatih pelajar mendapatkan maklumat, idea, kemahiran, nilai dan cara berfikir sama ada dengan secara langsung atau tidak langsung.

Di Malaysia, sistem pendidikan negara yang berorientasikan peperiksaan telah lama dijalankan. Tetapi, sistem ini dilihat tidak selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Dalam FPK menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Hal ini menunjukkan bahawa penilaian seseorang pelajar bukan hanya dalam aspek peperiksaan sahaja, tetapi ianya mestilah dilihat secara holistik. Bagi mengatasi ketidakselarasan ini, KPM telah menjalankan satu Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Disember 2010. Dalam mesyuarat tersebut, telah dipersetujui bahawa Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bakal

dilaksanakan sebagai sebahagian daripada Program Transformasi Pendidikan.

PBS merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik yang mampu menilai aspek kognitif (intelek), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Ianya dirancang, ditadbir, diskor dan dilaporkan oleh sekolah secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Pihak ini juga menyediakan instrumen merangkumi piawaihan, kriteria, panduan dan peraturan yang bertujuan untuk membolehkan guru mengukur tahap penguasaan pengetahuan, kemahiran dan nilai mengikut kriteria yang ditetapkan yang sekali gus membolehkan pelajar memperbaiki pencapaian diri.

PBS juga merupakan salah satu komponen pentaksiran yang dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Komponen PBS terbahagi kepada dua bidang iaitu mentaksir bidang akademik dan bukan akademik. Dalam bidang akademik, ianya terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP) manakala, bidang bukan akademik pula terdiri daripada Pentaksiran Psikometrik (PPSi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK).

Kedua-dua bidang ini memberi pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif yang berdasarkan sekolah.

Pentaksiran formatif melibatkan proses sepanjang pembelajaran pelajar menggunakan pelbagai kaedah dalam melapor maklumat selain membuat penilaian sama ada bertulis atau verbal mengenai cara meningkatkan pembelajaran pelajar. Dalam pentaksiran ini, guru tidak dibenarkan membuat perbandingan pelajar yang holistik diharap dapat melahirkan modal insan yang

menunjukkan kedudukan pelajar seperti pentaksiran yang digunakan sebelum ini. Manakala pentaksiran sumatif dilakukan pada hujung pembelajaran dengan membuat pertimbangan dan penilaian prestasi pelajar dalam meneruskan pembelajaran.

Maklumat itu dibuat dalam bentuk kualitatif atau kuantitatif mengikut standard yang ditetapkan oleh sekolah. Selain itu, perkembangan pelajar juga dapat dipantau melalui hasil kerja pelajar termasuk ujian dan peperiksaan yang disimpan dalam portfolio. Dokumen portfolio berkenaan merekodkan kegiatan dan pencapaian pelajar sepanjang sesi persekolahannya untuk menjadi rujukan guru dan ibubapa.

Demi menjamin kualiti pelaksanaan PBS, mekanisma penyelaras dan pemantauan diwujudkan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan skor pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah. Demi mencapai maksud itu, Pentaksiran Rujukan Standard diperkenalkan dengan menggunakan Standard Prestasi sebagai sumber rujukan oleh semua pihak yang terlibat dalam pendidikan secara langsung dan tidak langsung. Standard Prestasi digunakan untuk melihat kemajuan dan pertumbuhan pembelajaran serta pencapaian prestasi pelajar.

Di samping itu, ia merupakan proses untuk mendapatkan maklumat tentang sejauh mana tahap pengetahuan, pemahaman dan tindakan yang boleh para pelajar lakukan atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan mengikut tahap-tahap pencapaian.

Dalam melaksanakan transformasi sistem pendidikan ini, KPM telah menjalankan beberapa langkah secara berperingkat. Ia telah bermula pada awal tahun 2011 selaras dengan perubahan KSSR. PBS yang dilihat sebagai pentaksiran yang holistik diharap dapat melahirkan modal insan yang

berkesan dengan menekankan penguasaan ilmu pengetahuan, modal intelektual, pembudayaan sikap progresif dan pengamalan nilai, etika dan moral yang tinggi. PBS juga dilihat sebagai penambahbaikan sistem peperiksaan yang sedia ada iaitu UPSR dan PMR.

Pentaksiran yang baharu ini telah dirangka dan disusun secara sistematik oleh lembaga peperiksaan KPM dengan menyediakan buku panduan pengurusan dan pengendalian PBS yang dijadikan panduan untuk mengoperasikan PBS di sekolah.

Menurut segelintir penyelidik di barat menyatakan bahawa pentaksiran di sekolah diamalkan untuk dua tujuan utama iaitu untuk memberi gred dan pelaporan yang menentukan status pembelajaran pelajar atau dikenali sebagai pentaksiran terhadap pembelajaran dan untuk menggalakkan pembelajaran atau dikenali sebagai pentaksiran untuk pembelajaran. Pendapat ini turut disokong oleh sarjana tempatan yang menjelaskan bahawa kedua-dua jenis pentaksiran ini turut sama memainkan peranan yang penting di sekolah.

Secara umumnya, pentaksiran terhadap pembelajaran lazimnya dijalankan ketika peperiksaan penggal atau peperiksaan akhir iaitu setelah keseluruhan atau sebahagian besar topik pengajaran selesai disampaikan. Pentaksiran untuk pembelajaran pula berlaku ketika proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah sedang berlangsung.

Bagaimanapun menurut setengah pakar pendidikan menyatakan bahawa guru di sekolah lebih menumpukan kepada pentaksiran terhadap pembelajaran berbanding pentaksiran untuk pembelajaran iaitu guru lebih mengutamakan fungsi pemberian gred dan kurang memberatkan aspek-aspek pembaharuan pengajaran dan menggalakkan pembelajaran pelajar.

Satu kajian yang telah

dijalankan terhadap pelajar tingkatan tiga juga menunjukkan fungsi pemberian gred masih menjadi tumpuan utama. Ini membuktikan betapa tidak prihatinnya guru terhadap pentaksiran untuk pembelajaran, yang secara tidak langsung menyatakan bahawa sebilangan besar guru tidak menggunakan sepenuhnya maklumat daripada pentaksiran semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah untuk memantau pembelajaran pelajar, menilai keberkesanan pelbagai kaedah pengajaran guru dan sebagai panduan membuat keputusan berkenaan pengajaran.

Implikasi yang membimbangkan daripada budaya ini ialah pelajar yang lemah akan terus tertinggal atau terus diketepikan, kelemahan pengajaran guru tidak diperbaiki dan guru lebih cenderung untuk meletakkan kesalahan pada bahu pelajar semata-mata apabila keputusan peperiksaan kurang memuaskan. Seterusnya, penekanan akan amalan pentaksiran terhadap pembelajaran ini menyebabkan berkembangnya budaya *teaching the test* (mengajar peperiksaan) berbanding *teaching to the test* (mengajar untuk peperiksaan).

Ditinjau dari satu segi, budaya ini mungkin boleh menghasilkan pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan, tetapi tanpa disedari pencapaian ini mungkin hanya pencapaian yang palsu atau tidak sah akibat daripada aktiviti persediaan peperiksaan yang tidak beretika.

Selain itu budaya ini akan menyebabkan kesan yang dipanggil sebagai washback yang bermaksud pembelajaran dalam bilik darjah lebih menjurus kepada persediaan untuk menghadapi peperiksaan. Oleh itu pelajar lebih banyak menghafal segala fakta yang disampaikan, diberi latih tubi dan diberi contoh-contoh soalan yang berkaitan berbanding untuk memahami sepenuhnya isi kandungan pelajaran yang disampaikan.

Melalui perbincangan ini, ianya menggambarkan

bahawa pemberian gred begitu ditekankan dalam proses pentaksiran di sekolah sehingga menjurus kepada fenomena kurikulum berpacukan ujian (*test driven curriculum*) atau instruksi berpacukan pentaksiran (*assessment driven instruction*) yang mana mungkin bertentangan dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dengan lain perkataan, fenomena ini menyebabkan guru memfokuskan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah kepada kecemerlangan pelajar dalam peperiksaan berbanding untuk mencapai objektif pengajaran yang telah ditetapkan dalam sukan pelajaran. Guru juga mungkin tidak menyedari bahawa kecemerlangan pelajar boleh ditingkatkan melalui proses pentaksiran berdasarkan sekolah.

PBS jelas terbukti dapat membantu meningkatkan dan menjamin mutu pendidikan negara pada masa akan datang setelah dirangka dengan tersusun dan sempurna. Apa yang penting, setiap perancangan rapi yang telah disusun haruslah dilaksanakan dengan sempurna. Melalui pelaksanaan yang baik dan terancang ini, dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang holistik untuk melihat perkembangan pelajar selaras dengan kecerdasannya.

Program transformasi pendidikan negara ini juga diharapkan dapat menghasilkan maklumat yang lebih tepat dan menunjukkan keadaan sebenar tahap pembelajaran pelajar yang dapat membantu membuat dan penentu dasar pendidikan dalam melakukan penambahbaikan sistem pendidikan negara agar bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang dihasratkan.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah